



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : PERANCANGAN BANDAR UNTUK
PEMBINAAN

KOD MATA PELAJARAN : BPF 4163

KURSUS : 4 BPC

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT


ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN DI
BAHAGIAN A DAN DUA (2)
SOALAN SAHAJA DARIPADA
EMPAT (4) SOALAN DI **BAHAGIAN**
B.

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 4 MUKA SURAT

BAHAGIAN A (40 markah)

Jawab SEMUA soalan.

- S1 Rajah 1 menunjukkan plot bangunan bagi kompleks membeli belah dengan ruang bangunan yang dibenarkan ialah 60%. Diberi lebar jalan AB = 66 kaki, jarak AC = 400 kaki, CF = 250 kaki dan keluasan ruang lantai Lot A dan B masing-masing 100,000 dan 250,000 kaki persegi. Kira nisbah plot bagi bangunan kompleks membeli belah sebagaimana yang dibenarkan.



Rajah 1: Nisbah Plot Bangunan Kompleks Membeli-belah

(10 markah)

- S2 Huraikan jenis-jenis pembiayaan harta tanah perumahan yang terdapat di Malaysia.
(10 markah)
- S3 Menurut Beer, A. N. (1990) perancangan tapak sewajarnya melibatkan pelbagai jenis profesion kerana prosesnya melibatkan pelbagai faktor yang menentukan kesesuaian pembangunan di sesebuah tapak. Huraikan proses perancangan tapak.
(10 markah)
- S4 Analisis tapak bertujuan untuk mengenal pasti potensi dan halangan yang terdapat dalam perancangan sesuatu pembangunan harta tanah. Terangkan **lima** elemen dalam proses analisis tapak.
(10 markah)

BAHAGIAN B (40 markah)

Jawab **DUA** soalan sahaja.

S5 Aktiviti perancangan bandar dan desa di Malaysia adalah di bawah bidang kuasa bersama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Peruntukan secara langsung perancangan bandar jelas dinyatakan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan undang-undang lain yang menyokong. Bincangkan **empat** undang-undang yang berkaitan dengan aktiviti perancangan bandar di Malaysia.

(20 markah)

S6 Kawalan pembangunan merupakan prosedur perancangan dan strategi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) untuk melaksanakan polisi dan pelan-pelan pembangunan. Ia juga bertujuan untuk menghasilkan satu susunan dan perhubungan berkaitan dengan keseimbangan sosial, fizikal dan ekonomi. Bincangkan kaedah-kaedah kawalan pembangunan yang dilaksanakan di Malaysia.

(20 markah)

S7 Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) ialah satu dokumen yang dijadikan sebagai asas untuk menilai permohonan kebenaran merancang yang mengandungi analisis cadangan pembangunan (development proposal analysis) dan analisis tapak perancangan (site planning analysis). Seksyen 21A, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dengan jelas menyatakan keperluan terhadap penyediaan LCP ini.

(a) Terangkan tujuan LCP diadakan bagi maksud pembangunan harta tanah.

(10 markah)

(b) Bagaimanakah sesuatu bentuk pembangunan itu dikecualikan daripada penyediaan LCP?

(10 markah)

S8 Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9), sejumlah RM46.8 bilion diperuntukkan bagi membangunkan subsektor berkaitan pengangkutan. Pengangkutan bandar akan ditumpukan kepada usaha menggalakkan peralihan mod pengangkutan daripada kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Cadangkan mekanisme terbaik bagi mempertingkatkan infrastruktur pengangkutan awam dan lalu lintas di negara ini.

(20 markah)